



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
HERITAGE, ART AND MULTIMEDIA  
(IJHAM)  
[www.ijham.com](http://www.ijham.com)



**ANALISIS KEPEMIMPINAN GURULATIH SEBAGAI  
PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DALAM SENI SILAT  
PUSAKA GAYONG MALAYSIA DI KELANTAN MENGIKUT  
TEORI MAX WEBER**

*LEADERSHIP ANALYSIS OF 'GURULATIH' AS A PRACTITIONER OF  
TRADITIONAL HEALING IN THE SENI SILAT PUSAKA GAYONG MALAYSIA IN  
KELANTAN ACCORDING TO MAX WEBER'S THEORY*

Nur Amalina Mat Rafi<sup>1\*</sup>, Raja Iskandar Raja Halid<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia  
Email: nuramalina.minna@gmail.com

<sup>2</sup> Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia  
Email: rajaiskandar@umk.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 02.11.2021

Revised date: 23.11.2021

Accepted date: 07.12.2021

Published date: 13.12.2021

**To cite this document:**

Mat Rafi, N. A., & Raja Halid, R. I. (2021). Analisis Kepemimpinan Gurulatih Sebagai Pengamal Perubatan Tradisional Dalam Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia Di Kelantan Mengikut Teori Max Weber. *International Journal of Heritage, Art and Multimedia*, 4 (15), 46-60.

DOI: 10.35631/IJHAM.415004.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Seorang gurulatih memainkan peranan yang sangat penting dalam menyampaikan ilmu seni silat bagi menjamin kesahihan ilmu tersebut dipelajari. Selain itu, guru juga dianggap sebagai lambang kesempurnaan dan bertanggungjawab dalam institusi mempertahankan diri. Menerusi kajian ini, pengkaji telah melakukan analisis secara lebih mendalam mengenai kepemimpinan seseorang gurulatih mengikut pandangan teori Max Weber di dalam mengendalikan sebuah pertubuhan seni silat, kewujudan proses perubatan secara tradisional dalam seni silat, mengenal pasti jenis penyakit yang dialami oleh pelatih dan seterusnya melihat keberkesanan rawatan terhadap pesakit. Untuk melancarkan lagi kajian ini, pengkaji telah menjalankan kaedah pemerhatian secara ikut serta dan menemuramah responden yang terdiri daripada gurulatih Seni Silat di Kelantan bagi mendapatkan info lain. Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa seorang gurulatih bukan sahaja berperanan dalam mengajar ilmu silat semata-mata malah terdapat juga tanggungjawab lain yang perlu digalas misalnya perlu mempelajari dan mempraktikkan kemahiran ilmu rawatan tradisional. Ini penting di dalam meletakkan status gurulatih silat sebagai seorang pemimpin yang dihormati dan dipercayai.

**Kata Kunci:**

Silat, Gurulatih, Teori Max Weber, Perubatan Tradisional

**Abstract:**

A trainer plays a very important role in imparting silat martial arts knowledge to ensure the validity of the knowledge learned. In addition, trainers are also considered as a symbol of perfection and are accountable in self-defense institutions. Through this study, the researcher has conducted a more in-depth analysis of the leadership of trainers according to Max Weber's theoretical views in operating a martial arts organization, the existence of traditional healing processes in martial arts, identify the type of disease experienced by trainees and to see the effectiveness of treatment towards the patient. In this study, the researcher utilised the participant-observant method and interviewing respondents consisting of martial arts trainers in Kelantan. As a result, the researcher found that a trainer not only plays a role in teaching martial arts but is also responsible in learning and practicing traditional treatment. This is important in elevating the status of a silat trainer as a respectable and trusted leader.

**Keywords:**

Silat, Trainer, Max Weber Theory, Traditional Healing

**Pengenalan**

Sepanjang melakukan kajian terhadap perubatan tradisional dalam seni silat, tonggak utama dalam sesebuah pertubuhan persilatan terletak kepada gurulatih iaitu sebagai pengajar, pengamal ilmu perubatan dan juga dianggap sebagai pemimpin. Oleh itu, penggunaan teori-teori sosial yang telah dikemukakan oleh Max Weber mengenai kepemimpinan amat sesuai diaplikasikan menerusi kajian ini. Menurut Yesmil Anwar dan Adang (2008), Max Weber merupakan seorang ahli sosiologi dan sejarah yang berbangsa Jerman. Beliau telah dilahirkan di Erfurt, Thuringia pada tahun 1864 dan telah dibesarkan di Berlin. Menurutnya lagi, sosiologi merupakan ilmu yang membincangkan mengenai tindakan manusia terhadap aktiviti sosial misalnya dalam bidang politik, ekonomi, sejarah dan sebagainya.

Menurut Nazarudin Zainun (2015), Max Weber telah mengemukakan beberapa buah model autoriti. Autoriti merupakan kuasa atau hak untuk seseorang pemimpin mengeluarkan perintah, memberikan keputusan dan sebagainya. Melalui model tersebut, autoriti dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu autoriti tradisional, karismatik dan legal-rasional. Antara teori yang sesuai digunakan dalam kajian ini ialah teori 'Autoriti Tradisional' dan 'Autoriti Karismatik'. Autoriti tradisional bermaksud masyarakat menumpahkan sepenuh kepercayaan dalam tradisi yang diamalkan sejak zaman-berzaman. Dalam teori ini, pelaksanaan kuasa akan dilaksanakan kepada seseorang yang telah diberikan hak untuk memerintah dan menyatakan bahawa seseorang itu diberi kepercayaan serta dianggap sebagai pemimpin. Selain itu, penyerahan kuasa mengikut teori ini juga diberikan kepada pemimpin berdasarkan keturunan seperti dalam sistem feudal. Mengikut sistem feudal, proses pemilihan pemimpin lebih menumpukan kepada keturunan untuk mewarisi peralihan kuasa.

Dalam penulisan oleh Stephen P. Robbins dan Timothy A. Judge (2008) pula menjelaskan mengenai teori 'Autoriti Karismatik'. Perkataan 'karisma' berasal dari perkataan Yunani yang bermaksud anugerah dan kekuatan yang tidak dapat dijelaskan secara logik. Antara ciri-ciri pemimpin yang berkarisma ialah bertanggungjawab dalam mencipta perubahan dan pembaharuan, dianggap sebagai pahlawan, membawa tuah dan menjanjikan keselamatan untuk melindungi rakyat. Teori kepemimpinan mengikut autoriti karismatik ini juga bukan sahaja wujud pada zaman moden ini malah sebenarnya telah diamalkan oleh masyarakat zaman dahulu.

Sementara itu, Perubatan tradisional merupakan salah satu kaedah rawatan kesihatan yang tertua di dunia. Menurut Nur Aqidah A. Aziz et al, (2013), hal ini telah dibuktikan oleh ahli arkeologi bahawa kaedah ini telah wujud sejak 6000 tahun sebelum masihi lagi. Masyarakat Melayu pada zaman dahulu juga berpegang kepada fahaman animisme iaitu mempercayai alam ini mempunyai roh dan turut didiami oleh makhluk halus (Ismail Hamid, 1998; Taha Abd Kadir, 2005; Nor Izzati Abd Ghani, 2015). Hal ini dapat dilihat dengan lebih jelas di dalam proses perubatan dan rawatan tradisional Melayu. Berkenalan secara lebih lanjut mengenai definisi asas perubatan tradisional, ianya boleh dirujuk sebagai:

“Amalan, pendekatan, pengetahuan dan kepercayaan terhadap kesihatan yang melibatkan tumbuh-tumbuhan, haiwan dan ubat-ubatan berasaskan mineral, terapi-terapi spiritual, teknik-teknik manual dan senaman, yang diaplikasikan secara khusus mahupun gabungan bagi merawat, diagnosis serta mencegah penyakit dan mengekalkan kesihatan”.

(WHO Traditional Medicine Strategy 2002-2006, ms. 5).

Perubatan tradisional Melayu yang terkandung dalam 'Kitab Tibb Pontianak' oleh Faisal@Ahmad Faisal dan Nurul Wahidah Fauzi (2012), pula ditakrifkan sebagai:

“Ilmu perubatan merupakan suatu ilmu yang menjelaskan perihal tubuh badan manusia sama ada dari segi kebaikan, keburukan, kawalan kesihatan dan menghilangkan kesakitan.”

Perkataan tradisional pula membawa maksud bercorak tradisi atau masyarakat yang mengamalkan cara hidup secara turun-temurun. Oleh itu, perkataan perubatan tradisional dapat dijelaskan sebagai satu amalan perubatan yang bertujuan untuk menjaga kesihatan masyarakat dan diwarisi sejak sekian lama.

Di Malaysia, perubatan secara tradisional telah diamalkan oleh hampir semua masyarakat di seluruh negeri. Kaedah dan jenis perubatan juga turut berbeza ekoran daripada perbezaan budaya dan pegangan kepercayaan masing-masing dalam usaha untuk menyembuhkan penyakit tanpa menggunakan sebarang kaedah perubatan moden.

Di Kelantan, pelbagai kaedah perubatan tradisional masih digunakan sebagai usaha untuk membantu pesakit dalam menyembuhkan beberapa jenis penyakit yang dihadapi. Kaedah perubatan yang digunakan pula dikatakan tradisional kerana masyarakat di Kelantan masih lagi menggunakan khidmat bomoh untuk mengubati penyakit. Segelintir masyarakat juga mengubati penyakit dengan menggunakan rawatan Islam sama ada sepenuhnya menggunakan asas Al-Quran dan As-Sunnah dan ada juga yang mencampur-adukkan perubatan Islam dan tradisional. Antara kaedah perubatan tradisional yang paling tersohor sehingga menjadi tumpuan para pengkaji ialah perubatan yang biasanya dilakukan seiring dengan pementasan seni persembahan tradisi masyarakat seperti Main Puteri dan Mak Yong.

Perubatan tradisional dalam persilatan pula sebenarnya telah bergerak seiring dengan mempelajari ilmu silat. Hal ini kerana, hampir kesemua guru silat mempunyai kemahiran untuk mengubati pelbagai jenis penyakit yang biasanya tidak dapat dirawat dengan perubatan moden seperti saka, amalan sihir, histeria dan sebagainya. Tegasnya, perubatan dalam persilatan bukan menjadi satu kepentingan dalam menuntut ilmu silat namun ianya tetap berguna kepada masyarakat khususnya bagi mereka yang ingin mendapatkan rawatan melalui kaedah berubat dalam silat.

### **Kajian Literatur**

Melalui kajian literatur, pengkaji telah mentelaah pelbagai jenis rujukan untuk dijadikan sebagai bahan bukti bagi menyokong setiap pembolehubah yang dibentuk, untuk mengumpul seberapa banyak kajian mengenai analisis kepemimpinan gurulatih sebagai pengamal perubatan tradisional dalam persilatan, dan semestinya untuk menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan ilmu perubatan tradisional dari pelbagai sudut. Selain itu, kajian literatur juga dilakukan bertujuan untuk menambah baik serta memperbaiki kelemahan kajian sendiri. Hal ini demikian kerana, kajian lepas menunjukkan perubatan tradisional dalam kalangan masyarakat Melayu telah banyak dibincangkan sementara maklumat mengenai gurulatih sebagai pengamal perubatan tradisional yang diketengahkan melalui persilatan adalah amat sukar diperoleh. Oleh itu, perubatan tradisional dalam persilatan akan dikupas berpandukan maklumat yang diperoleh melalui kajian terdahulu dan dari informasi lain.

Antara bahan bacaan kajian literatur yang dijadikan sandaran bagi melengkapkan kajian ini ialah berkaitan dengan latar belakang gurulatih, kepimpinan seorang gurulatih dalam memberi rawatan, jenis penyakit yang dihadapi oleh pelatih, serta penerimaan masyarakat terhadap pengubatan tradisional.

### **Kaedah Penyelidikan**

Kaedah pengumpulan data sepanjang menjalankan penyelidikan keatas tajuk ini telah dikumpul melalui dua sumber utama yang terdiri daripada data primer dan data sekunder. Data primer merupakan data yang diperoleh oleh para pengkaji dari sumber yang asli dan sumber tersebut dikumpul untuk menjawab setiap persoalan yang telah dikaji. Menurut Yusuf (2003), data-data primer tersebut dikumpul oleh para pengkaji melalui penglibatan dalam proses eksperimental dan kajian lapangan seperti menemu-bual, pemerhati, dan sebagainya. Manakala data sekunder menurut Marican (2005), pula merupakan carian maklumat menerusi rujukan oleh pengkaji lain. Data-data tersebut kebanyakannya digunakan oleh para pengkaji sebagai bahan sandaran, sebagai bahan untuk dibandingkan, dan untuk mencari maklumat yang lebih banyak.

Untuk kajian analisis ini, pengkaji telah menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian secara ikut serta. Kaedah temubual ini telah dilakukan terhadap responden yang terdiri daripada pengamal perubatan tradisional dalam persilatan merangkap gurulatih seni silat, responden yang terdiri daripada pesakit yang menerima rawatan dalam silat dan perawat dari Pusat Rawatan Islam yang mempunyai kepakaran berkaitan dengan selok-belok perubatan tradisional untuk menyokong kaedah rawatan yang digunakan oleh pengamal perubatan dalam seni silat. Manakala bagi kaedah pemerhatian ikut serta pula, pengkaji sendiri telah menyertai setiap program dan latihan yang dianjurkan oleh pertubuhan seni silat. Selain itu, untk memperoleh sumber data sekunder pula, pengkaji telah merujuk pelbagai jenis bahan bacaan seperti jurnal, tesis dan juga melakukan kajian kepustakaan di Kelantan dan di perpustakaan universiti luar negeri.


## Analisis Kepemimpinan Gurulatih Sebagai Pengamal Perubatan Tradisional Dalam Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia di Kelantan Mengikut Teori Max Weber.

Hasil daripada pemerhatian dan kajian yang dilakukan mendapati bahawa sememangnya wujud aktiviti merawat penyakit secara tradisional khususnya di dalam seni silat. Dalam hal ini, gurulatih seni silat yang mempunyai kemahiran berubat akan bertindak sebagai pengamal perubatan dan memberikan rawatan kepada setiap orang pelatih yang diserang penyakit atau mengalami kecederaan. Penyakit-penyakit ini terdiri daripada penyakit berbentuk fizikal dan spiritual. Selain itu terdapat juga beberapa orang pelatih seni silat yang mengalami penyakit yang di luar kebiasaan pelatih seperti penyakit paru-paru berair namun tetap mendapatkan rawatan daripada gurulatih seni silat.

Melalui penulisan ini, pengkaji akan menerangkan analisis dapatan kajian mengenai kepemimpinan gurulatih sebagai pengamal perubatan tradisional dalam Seni Silat Pusaka Gayong Malaysia di Kelantan mengikut teori Max Weber. Antara perkara yang akan dibincangkan dalam analisis ini meliputi pemilihan seseorang gurulatih, gurulatih sebagai tonggak utama dalam organisasi seni silat pusaka gayong, perbezaan yang ketara antara penyakit fizikal dan spiritual, persamaan serta perbezaan antara kaedah rawatan bagi penyakit fizikal dan spiritual, keberkesanan rawatan, kelebihan ayat-ayat Ruqyah dalam rawatan penyakit spiritual, dan kepercayaan masyarakat terhadap perubatan tradisional Melayu.

### Pemilihan Seseorang Gurulatih

Kajian yang membincangkan mengenai seni silat sama ada di dalam negara dan di luar negara telah banyak diterokai oleh para pengkaji. Pengkajian mengenai peranan gurulatih juga telah dikaji oleh beberapa orang pengkaji. Namun, Setiap bahan kajian yang diperolehi daripada pengkaji lain terdiri daripada pertubuhan seni silat yang berlainan dan membicarakan perihal peranan gurulatih mengikut gaya dan pendapat yang berbeza. Oleh itu, menerusi kajian ini pengkaji ingin mengetahui secara lebih lanjut mengenai tanggungjawab lain yang dimainkan oleh seorang gurulatih selain mengajar ilmu persilatan.



**Rajah 1: Menunjukkan Identiti Gurulatih Seni Silat.**

Sumber: Douglas Stephen Farrer (2006).

Menurut Farrer (2006), beliau telah merujuk kepada beberapa orang guru silat yang sangat baik hati dan bersikap mulia yang sesuai dengan identiti beliau sebagai seorang pemimpin. Di samping itu, identiti gurulatih yang dikaji juga jelas menunjukkan guru silat masih lagi mengamalkan amalan tradisional seperti mempunyai ilmu berurut, terdiri daripada seorang

dukun, dan hulubalang. Manakala, dalam aspek memenuhi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah pula, guru silat tersebut terdiri daripada seorang imam, artis ahli sukan dan sebagainya.

Dalam mempelajari ilmu persilatan, pangkat gurulatih juga diperlihatkan daripada bengkung yang diperoleh. Setiap bengkung yang diperoleh pula merupakan pencapaian seseorang dalam kemahiran menuntut ilmu seni silat. Terdapat beberapa jenis peringkat bengkung dalam pertubuhan Seni Silat Gayong iaitu hitam mulus, awan putih, pelangi hijau, pelangi merah, pelangi merah cula I,II,III, pelangi kuning, pelangi kuning cula I,II,III,IV,V, dan harimau pelangi hitam cula sakti I,II,III,IV,V,VI.



**Rajah 2: Menunjukkan Warna Bengkung Atau Tali Pinggang Mengikut Pangkat.**

(Sumber: Firdaus Zulfaa, 2011)

Menurut Hafidzul Azam (2010), disebalik warna bengkung mempunyai maksud yang tersendiri. Misalnya, sukatan pelajaran bagi peringkat hitam mulus sehingga pelangi merah lebih menumpukan kepada asas gerakan, golongan anak harimau, elakan, komban (serangan anak harimau), kunci mati, pentas hidup, tenggiling anak harimau dan tempur bebas.



Bengkung jurulatih, pelangi kuning cula V



Bengkung jurulatih pelangi hitam cula sakti VI

**Rajah 3: Menunjukkan Bengkung Jurulatih Pelangi Kuning Cula V Dan Bengkung Jurulatih Pelangi Hitam Cula Sakti VI.**

(Sumber: Laman Web Rasmi Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia)

Rajah 3 diatas menunjukkan bengkung kejurulatihan. Bengkung tersebut diberikan kepada ahli seni gayong yang telah menjalani kursus kejurulatihan dan mempunyai kelayakan untuk melatih ahli segayong yang lain. Untuk menentukan jurulatih, dapat dilihat dengan tanda warna merah panjang pada bengkung seperti yang tertera pada gambar 3 diatas.

### **Gurulatih Sebagai Tonggak Utama Dalam Organisasi Seni Silat Pusaka Gayong**

Dalam keseluruhan kajian ini mendapati bahawa tonggak utama dalam pertubuhan seni silat ini terletak kepada gurulatih. Seorang gurulatih bukan sekadar menumpahkan ilmu pengetahuan dalam mengajar bela diri malah, mereka juga mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam mengubati penyakit. Hal ini sangat bertepatan dengan teori yang telah dikemukakan oleh Max Weber seperti yang dibincangkan oleh Sutarto Wijono (2018), iaitu teori autoriti tradisional dan autoriti karismatik. Dalam teori autoriti tradisional, gurulatih seni silat merupakan seorang pemimpin yang telah diberi kepercayaan dan dipilih oleh ahli-ahli

tertinggi dalam pertubuhan untuk terus memberikan ilmu seni bela diri. Proses ini merupakan satu tradisi yang diwarisi sejak turun temurun dan institusi pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayong juga masih lagi dijaga dengan baik serta masih diguna pakai sehingga ke hari ini. Selain itu, dalam pertubuhan seni silat juga masih mengekalkan hubungan yang baik dan saling menghormati antara satu sama lain meskipun pengasas utama telah meninggal dunia.

Dalam apa-apa jua institusi atau pertubuhan semestinya mempunyai seorang pemimpin. Malah bagi masyarakat Melayu, seseorang pemimpin mempunyai sifat-sifat yang utama. Menurut Tenas Effendi (2013), telah menjadi adat bagi masyarakat Melayu dalam memberi keutamaan kepada pemimpin. Menurutnya lagi, pemimpin amat disanjung dan menjadi lambang kepada identiti masyarakat Melayu yang bernilai murni. Menurut Muhammad Takari Jilin Syahrial (2015), tugas seorang pemimpin amat berat. Hal ini kerana, pemimpin wajib membuat segala keputusan dan setiap perbuatannya haruslah bersandarkan kepada nilai-nilai agama. Tambahnya lagi, pemimpin yang sentiasa menjaga agama biasanya akan menjadi seorang yang berakhlak mulia dan mengamalkan sikap yang terpuji. Menurut Sutarto Wijono (2018) dengan memetik kata-kata daripada Max Weber pula menyatakan bahawa pemimpin yang berkarisma biasanya terdiri daripada seorang pahlawan yang mempunyai kualiti yang baik. Di samping itu, pemimpin tersebut juga merupakan seorang individu yang mempunyai visi dan misi yang tersendiri dalam memerintah sesebuah organisasi sehingga dikagumi oleh rakyat.

Bagi seseorang guru silat yang betul-betul berpegang dengan prinsip Islam pula mestilah mengetahui dengan lebih jelas mengenai asas-asas agama. Di samping itu, mereka hendaklah mengerjakan ilmu fardu ain dan fardu kifayah serta menjauhi perkara-perkara yang boleh menyebabkan syirik sama ada melalui perkataan, perbuatan atau niat. Selain itu, seorang guru juga dilarang sama sekali untuk memasukkan unsur-unsur yang bercanggah dengan agama di dalam pembelajaran seni silat contohnya menuntut ilmu kebal (Othman Mustapha, 2008).

Menurut Noresah Baharom (2010), perkataan ‘mahaguru’ membawa dua maksud iaitu guru yang tertinggi pangkatnya di perguruan tinggi di universiti. Maksud kedua iaitu ketua sesuatu kumpulan silat. Seterusnya, ‘khalifah muda’ bermaksud ketua murid. Dari sudut Islam, perkataan khalifah merujuk kepada pengganti Nabi Muhammad S.A.W dan setiap insan yang diamanahkan oleh Allah untuk mengurus dan mentadbir dunia ini. Manakala, perkataan ‘srikandi’ bermaksud wanita yang gagah berani dan pahlawan wanita. Perkataan ‘gurulatih’ pula tiada definisi khusus untuk menerangkan maksudnya. Namun, dalam pertubuhan seni silat, perkataan gurulatih amat gemar digunakan misalnya Majlis Gurulatih kebangsaan. Mengikut kefahaman pengkaji, perkataan gurulatih mempunyai persamaan dengan maksud ‘jurulatih’ iaitu merujuk kepada orang yang melatih dan menunjuk ajar pelatih lain secara berulang-ulang untuk menjadikan orang yang diajar itu benar-benar mahir.



**Rajah 4: Menunjukkan Cikgu Zain Sebagai Jurulatih Dan Pengamal Perubatan Dalam Seni Silat.**

(sumber: Nur Amalina, 2015)

Selain itu, dalam teori autoriti karismatik pula, gurulatih seni silat sememangnya dilihat sebagai seorang yang berkarisma dan diberi kepercayaan serta dihormati oleh para pelatih. Gurulatih dilihat sebagai seorang yang mempunyai keupayaan fizikal dan spiritual yang luar biasa yang membolehkan beliau diangkat sebagai seorang pemimpin. Misalnya dalam rajah 4 diatas menunjukkan, ciri-ciri keperibadian yang luar biasa terdapat pada diri Cikgu Zain menyebabkan mantan gurulatih beliau memilihnya untuk diperturunkan ilmu berubat dan ilmu batin yang lain. Antara ciri-ciri lain yang dapat dilihat pada kesemua gurulatih yang telah ditemubual ialah mempunyai ilmu pengetahuan yang sangat tinggi dalam bidang agama meskipun mereka bukan dari golongan alim ulama.

Di samping itu, proses perubatan yang lebih mementingkan ajaran Islam, penggunaan ayat-ayat suci dari al-Quran dan mengikut syariat juga membuktikan bahawa seseorang pemimpin mempunyai kemampuan yang luar biasa. Sebagai contoh, masyarakat yang beragama Islam mempercayai bahawa Nabi Muhammad S.A.W merupakan seorang pemimpin yang berkarisma dan turut diberikan keistimewaan oleh Allah S.W.T dalam mengetuai pelbagai bidang yang diceburi khususnya dalam merawat pelbagai jenis penyakit. Menurut Abdullah Hassan Ainon Mohd (2007), Nabi Muhammad S.A.W adalah seorang insan yang luar biasa sehingga mampu meyakinkan orang ramai mengikut ajaran yang dibawa oleh baginda. Hal ini juga telah dibincangkan oleh Yudi Santono (2019) melalui terjemahan beliau mengenai karya Max Weber (1962). Dalam terjemahan tersebut, Max Weber menjelaskan mengenai kepimpinan Nabi Muhammad bahawa baginda dilihat sebagai seorang hamba yang sentiasa beriman kepada Allah dan taat dengan segala perintah serta menyeru seluruh masyarakat beragama Islam agar mengikut segala ajaran yang telah disampaikan oleh Allah menerusi baginda misalnya menjaga pergaulan.

### **Jenis Penyakit Yang Kerap Dialami Oleh Pelatih**

Terdapat dua jenis penyakit dan kecederaan yang sering diubati oleh pengamal perubatan iaitu penyakit fizikal dan penyakit spiritual seperti yang ditunjukkan dalam rajah 5 di bawah. Penyakit fizikal merupakan penyakit yang paling kerap berlaku dalam kalangan pelatih seni silat. Penyakit spiritual pula akan menyerang apabila badan pelatih lemah, disampuk makhluk halus dan sebagainya. Sesetengah penyakit spiritual yang telah menimpa diri pesakit juga tidak boleh dipertontonkan misalnya penyakit yang berkaitan dengan gangguan makhluk halus. Hal ini kerana, mengikut hasil temubual mendapati bahawa manusia tidak seharusnya berkawan



dengan makhluk ghaib seperti jin. Semasa mengubati pesakit, pelbagai teknik dan helah yang telah digunakan oleh makhluk halus sebelum meninggalkan jasad pesakit dan jika yang menyaksikan rawatan tersebut berkeadaan lemah, kemungkinan besar makhluk tersebut akan berpindah ke badan individu yang menyaksikan rawatan itu.



**Rajah 5: Menunjukkan Penyakit Fizikal Dan Penyakit Spiritual Yang Menimpa Pelatih.**

(Sumber: Nur Amalina, 2019)

Perkataan fizikal pada dasarnya mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), ialah berkenaan dengan badan dan jasmani. Manakala perkataan spiritual pula lebih kepada sifat rohani atau jiwa dan bukan bersifat fizikal. Seterusnya, Amran Hassan et al, (2012), pula menjelaskan perihal penyakit fizikal dan spiritual dengan berpandukan sabda Rasulullah S.A.W dan diriwayatkan oleh Al-Bukhari sebagaimana berikut:

“Dan diri kamu mempunyai hak ke atas kamu.”

(sumber: Amran Hassan, 2012)

Melalui riwayat tersebut dapat disimpulkan bahawa setiap manusia bertanggungjawab untuk menjaga kesihatan diri. Hal ini demikian kerana, setiap anggota tubuh badan manusia mempunyai peranan tersendiri dan bertindak mengikut had yang telah ditetapkan (ibid). Di samping itu, menurut Mat Saad (2008), pula keperluan fizikal merujuk kepada kehendak harian manusia seperti makan, minum, rehat yang cukup, perlindungan dan lain-lain. Manakala, keperluan dari segi spiritual pula merujuk kepada pegangan akidah yang kuat dan menjaga amal ibadat kepada Allah S.W.T.

### **Perbezaan Antara Penyakit Fizikal dan Spiritual**

Penyakit fizikal yang dihadapi oleh pelatih biasanya akan kelihatan dengan lebih jelas di badan pesakit misalnya kecederaan sendi dan otot, patah pada bahagian anggota badan, tertusuk atau tertikam senjata dan luka. Manakala bagi penyakit spiritual pula biasanya agak sukar untuk dikenalpasti kerana ianya lebih melibatkan bahagian dalaman badan pesakit dan hanya akan diketahui oleh orang di sekeliling apabila pesakit tidak sedarkan diri, berkelakuan ganjil, mengamuk dan sebagainya. Antara penyakit spiritual yang sering dihadapi oleh pelatih seperti terkena gangguan makhluk halus akibat daripada keturunan keluarga, sihir, gangguan saka, histeria dan pengamalan ilmu yang salah misalnya mempelajari ilmu kebal.

### **Persamaan Antara Kaedah Rawatan Penyakit Fizikal dan Spiritual**

Proses perubatan bagi penyakit fizikal dan spiritual menggunakan pendekatan yang sama, iaitu dengan menggunakan ayat-ayat suci al-Quran samada sebagai amalan seharian dan memulakan perubatan. Amalan ini jelas berpandukan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud dan Abu Hurairah bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda yang bermaksud:

“Barangsiapa membaca al-Quran dan mengamalkan apa yang ada di dalamnya, maka kelak kepada kedua orang tuanya akan dipakaikan mahkota pada hari kiamat. Cahaya mahkota tersebut lebih baik dari cahaya matahari di dalam rumah-rumah di dunia.”

(Amru Jumu'ah 2011, ms. 63)

Al-Quran merupakan kalam Allah yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad S.A.W untuk dijadikan panduan kepada seluruh umat manusia di dunia ini khususnya bagi mereka yang beragama Islam. Selain itu, setiap orang Islam juga dituntut untuk membaca al-Quran secara bertajwid. Dalam erti kata lain membaca al-Quran dengan lancar, fasih dan memperelokkan sebutan huruf. Hal ini demikian kerana, orang yang mahir membaca al-Quran akan ditempatkan bersama-sama dengan orang yang mulia di akhirat nanti (Ismail bin Md Noor, 2006).

Antara ayat yang menjadi amalan sebelum memulakan sesuatu pekerjaan ialah membaca lafaz ‘bismillah’ yang bermaksud ‘dengan nama Allah’ dengan harapan supaya setiap pekerjaan yang ingin dilakukan akan diberkati dan mendapat keredhaan Allah serta haruslah diakhiri dengan ucapan ‘Alhamdulillah’ sebagai tanda kita bersyukur dengan setiap yang diberikan oleh Allah S.W.T. Di dalam solat pula, surah al-Fatihah sudah menjadi suatu kewajipan bagi umat Islam untuk diamalkan sekurang-kurangnya membaca surah tersebut sebanyak 17 kali didalam menunaikan ibadat solat lima waktu (ibid.). Sepanjang meneliti hasil kajian daripada pelbagai sumber yang diperoleh, jelaslah surah al-Fatihah merupakan surah yang paling afdhal di dalam kitab al-Quran. Rasulullah S.A.W pernah bersabda sebagaimana berikut:

“Barang siapa membaca surah al-Fatihah, nescaya dikurniakan baginya pahala seperti pahala orang yang membaca tujuh kali Kitab Taurat, Injil, Quran, Suhuf Nabi Idris dan Nabi Ibrahim. Tiap-tiap huruf yang dibacanya itu dikurniakan kepadanya satu darjat di dalam syurga. Luas setiap darjat tersebut adalah jarak antara langit dan bumi”.

(Mohd Fadil bin Ariffin 2008, ms.1 ).

Persamaan lain yang terdapat pada rawatan fizikal dan spiritual ialah penggunaan zikir, doa dan selawat. Seperti yang telah diterangkan dalam sub-topik sebelum ini, kombinasi pengamalan bacaan zikir, doa dan selawat keatas Nabi adalah amat dianjurkan kepada semua lapisan masyarakat yang beragama Islam. Malah, amalan tersebut perlu dilazimi pada setiap hari baik pada waktu pagi, tengahari, petang dan juga malam supaya manusia sentiasa mengingatkan Allah dan mencegah diri daripada melakukan perkara yang dilarang.



**Rajah 6: Menunjukkan Adat Membuka Dan Menutup Gelanggang.**

(Sumber: Nur Amalina, 2015).

Semasa menghadiri latihan seni silat, pengkaji mendapati bahawa para pelatih dan gurulatih seni silat akan membaca doa, berzikir dan berselawat setiap kali membuka dan menutup gelanggang seperti yang ditunjukkan dalam rajah 6 diatas. Mengikut kefahaman pengkaji, semasa membuka gelanggang, mereka diharuskan untuk membaca surah al-Fatihah sebanyak satu kali, surah al-Ikhlas sebanyak 11 kali, berselawat keatas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W sebanyak tiga kali dan berdoa kepada Allah S.W.T.

Antara doa yang sentiasa dianjurkan oleh gurulatih semasa dalam gelanggang ialah doa untuk keselamatan diri, doa untuk kesejahteraan ibu bapa, doa kepada Allahyarham Dato' Meor Abdul Rahman dan semua ahli gayong, serta berdoa supaya memberkati ilmu seni silat yang dipelajari. Setelah selesai berdoa dan hendak berdiri, para pelatih dan gurulatih akan bertakbir 'Allahuakbar' sebanyak satu kali dan bersiap sedia untuk memulakan latihan. Selain itu, menurut ahli pemikir bidang sosiologi iaitu Max Weber (1962), di dalam penulisannya yang diterjemahkan pada Julai, 2019 menyatakan bahawa orang-orang Islam perlu mematuhi perintah-perintah Allah dan meninggalkan segala larangannya supaya hidup akan sentiasa diberkati.

### **Perbezaan Antara Kaedah Rawatan Penyakit Fizikal dan Spiritual**

Dalam merawat penyakit fizikal, proses rawatannya lebih bergantung kepada penggunaan herba, air dan tumbuh-tumbuhan semulajadi yang terdapat di sekeliling kita. Antara herba dan tanaman yang digunakan ialah daun kapal terbang, rumput, buah delima, madu, pucuk gajus dan sebagainya. Sebenarnya terdapat banyak lagi herba dan tanaman yang digunakan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu namun pengkaji hanya menyenaraikan beberapa jenis herba sahaja yang sering dijadikan bahan rawatan oleh pengamal.

Menurut Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Nurul Wahidah Fauzi (2012), dengan memetik beberapa penulisan daripada para sejarawan terdahulu mengenai perubatan tradisional berasaskan herba misalnya kajian H.C Ong (1994). Melalui penulisan beliau, terdapat sebanyak 54 jenis herba yang digunakan oleh penduduk untuk merawat pelbagai jenis penyakit yang ringan. Selain itu, dalam penulisan oleh Ibrahim Jantan (2006), pula mengulas secara lebih terperinci mengenai nilai produk herba dalam beberapa kategori. Kategori tersebut dikelaskan mengikut aspek kualiti, keselamatan dan efikasi (kepercayaan) agen penyembuh penyakit.

Seterusnya, untuk mencari herba yang hendak dijadikan ubat juga mempunyai adab dan perlu mengambil kira perihalnya, masa, hari dan arah untuk mengambilnya. Antara adab yang perlu diamalkan sebelum mengambil herba ialah membaca ‘bismillah’, selawat ke atas Nabi S.A.W sebanyak tiga kali dan memberi salam kepada Nabi Alias A.S yang dipercayai sebagai penjaga tumbuh-tumbuhan. Mengenai faktor masa, hari dan tarikh pula amat penting dan perlu diambil kira. Menurut penulisannya, waktu yang sesuai untuk memetik tumbuh-tumbuhan herba ialah pada waktu pagi, petang dan malam serta perlulah menghadap ke arah kiblat jika mengambil herba tersebut pada hari Isnin, Rabu dan Khamis. Manakala, hari Jumaat hendaklah menghadap ke arah Tenggara, hari Sabtu dan Ahad, muka pemetik herba hendaklah menghadap ke arah Barat Laut dan hari Selasa pula hendaklah menghadap ke arah Barat Laut (ibid.).

Semasa menemubual beberapa orang informan yang terdiri daripada gurulatih silat dan peneraju pusat perubatan pula, mereka juga sememangnya menggunakan sepenuhnya bahan herba. Namun, kesemua informan tidak menitikberatkan faktor masa, hari dan arah untuk mengambil herba. Bagi mereka, dengan mengamalkan adab-adab untuk mengambil herba adalah sudah memadai dan boleh diambil pada bila-bila masa. Malah, herba-herba yang digunakan juga kebanyakannya ditanam di halaman rumah, dijadikan sebagai makanan dan juga banyak dijual di Pusat Perubatan Islam.

### **Keberkesanan Rawatan**

Menerusi penulisan oleh pengkaji lain iaitu H. Zulkifli, (2016) menyatakan bahawa setiap penyakit dan kecederaan yang diturunkan adalah daripada Allah S.W.T dan daripada Dia jugalah yang menurunkan penawar bagi kegunaan hambanya tanpa mengira agama. Rasulullah S.A.W telah mengajar umat Baginda bahawa Allah S.W.T adalah Dzat Yang Maha Penyembuh. Baginda juga menganjurkan pelbagai jenis doa yang mudah dan senang dihafal oleh pesakit sekiranya berhadapan dengan penyakit (Muhadi dan Muadzlin, 2012) Antara doa yang dianjurkan ialah doa nabi Yunus seperti berikut, yang bermaksud:

“Ya Allah, Rabb pemelihara manusia, hilangkanlah penyakit ini dan sembuhkanlah, Engkaulah Yang Maha Penyembuh, tidak ada kesembuhan melainkan kesembuhan dari-Mu, kesembuhan yang tidak meninggalkan sedikit pun penyakit.”

(Hadis riwayat Bukhari)

Selain kebergantungan kepada Allah S.W.T, pengamal perubatan juga menggunakan kaedah rawatan yang berpandukan ‘Pengubatan cara Nabi’. Dalam sejarah Islam, Rasulullah S.A.W merupakan seorang pemimpin yang amat digeruni di mata dunia. Selain menjadi seorang pemimpin dan mengetuai angkatan perang, Baginda juga merupakan seorang khalifah yang amat menitikberatkan soal penjagaan kesihatan dan mempunyai kepakaran dalam mengubati pelbagai jenis penyakit (ibid.)

### **Kelebihan Ayat-Ayat Ruqyah Dalam Rawatan Penyakit Spiritual**

Antara rawatan lain yang kerap digunakan oleh pengamal perubatan dalam merawat penyakit spiritual ialah dengan cara Ruqyah. Ruqyah dalam Islam iaitu membaca ayat-ayat al-Quran seperti ayat Qursi, ayat dari surah Yasin, al-Falaq dan lain-lain adalah dibolehkan berdasarkan dalil syarie seperti dibawah:

Nabi S.A.W bersabda: “Tidak apa-apa ruqyah itu selagi tidak mengandungi syirik.....”

(Riwayat Muslim, ms. 182)

Menurut Khairul Ghazali (2014) dalam penulisannya menyatakan bahawa untuk memastikan rawatan secara Ruqyah adalah bersesuaian dengan syarie, para pengamal hendaklah menitikberatkan beberapa perkara. Perkara yang perlu dilaksanakan adalah seperti membaca ayat-ayat al-Quran dan berpandukan hadis Rasulullah, doa yang dibaca mestilah jelas dan terang, tidak memintan tolong dari makhluk lain selain Allah S.W.T., dan tidak menggunakan barang-barang yang menimbulkan syirik

Sepanjang melakukan pemerhatian secara ikut serta dan temubual bersama informan, kesemua mereka mengatakan bahawa kaedah yang paling berkesan dalam merawat pesakit yang terkena gangguan adalah dengan cara melakukan Ruqyah. Bertepatan dengan penulisan oleh Khairul Ghazali (2014), pengkaji melihat sendiri bagaimana persiapan yang dilakukan oleh pengamal perubatan sebelum melakukan rawatan keatas pesakit. Antara persiapan yang dilakukan oleh pengamal ialah meminta izin untuk merawat, menyediakan barang-barang keperluan pesakit seperti air dan bekas serta menjaga aib pesakit. Semasa merawat pula, pengkaji mendapati ayat-ayat yang dibaca oleh pengamal adalah seratus peratus ayat al-Quran dan ianya dibaca dengan penuh semangat sehingga dapat mengeluarkan makhluk halus yang mengganggu.

### **Kepercayaan Masyarakat Terhadap Perubatan Tradisional Melayu**

Pada pengamatan pengkaji mengenai perubatan pada masa ini, terdapat juga sesetengah masyarakat yang lebih bergantung kepada ubat-ubatan, jampi serapah, penggunaan mantera dan sebagainya. Selain itu, mereka juga merasa yakin dan menganggap bahawa bahan ubatan tersebut yang memberikan kesembuhan kepada mereka. Jika dilihat kepada keyakinan kepada bahan ubatan tanpa memohon penyembuhan kepada Allah S.W.T akan mengakibatkan berlakunya syirik. Perkataan syirik membawa maksud perbuatan menyekutukan Allah S.W.T sama ada secara lisan atau berniat di dalam hati (Abu Taqiy Hussein, 2015). Allah S.W.T juga berfirman dalam surah Yunus, ayat 106 yang bermaksud:

“Dan janganlah engkau menyembah atau memuja yang lain daripada Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudharat kepadamu. Sekiranya engkau mengerjakan yang demikian maka jadilah engkau orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu”).

(Surah Yunus, ayat 106)

Dalam kalangan masyarakat yang terdiri daripada pelatih seni silat pula, pengkaji mendapati bahawa mereka menumpahkan sepenuh kepercayaan kepada gurulatih. Menurut gurulatih yang ditemubual, mereka mengakui bahawa pada mulanya amat sukar untuk menarik kepercayaan pelatih perihal perubatan tradisional. Hal ini kerana kebanyakan pelatih terdiri daripada golongan remaja yang kurang pengetahuan mengenai perubatan tradisional dan tidak pernah menerima rawatan secara tradisional. Namun apabila rawatan yang dilakukan berkesan, para pelatih masing-masing percaya bahawa diri mereka akan selamat selagi berada di bawah pengawasan gurulatih. Pengkaji juga melihat setiap informan suka memberikan motivasi, nasihat dan kata-kata semangat untuk pesakit mereka supaya menguatkan ketahanan mental dan fizikal sepanjang menempuhi ujian kesakitan serta menganggap bahawa ujian tersebut menandakan Allah S.W.T sayang akan hambaNya.

Dalam satu penulisan oleh H. Zulkiflee (2016) menyatakan bahawa, pengaruh rohani yang kuat akan memberi kesan yang baik kepada kesihatan fizikal dan begitu juga berlaku jika sebaliknya. Tambah beliau, amalan seperti sentiasa bersyukur, redha, tawakkal dan positif akan menyihatkan jasmani seseorang. Begitu juga dengan amalan bacaan ayat al-Quran yang

berfungsi sebagai penawar bagi penyakit fizikal dan spiritual namun menurutnya tidak semua orang yang diberikan hidayah untuk mengubati dengan al-Quran. Beliau menjelaskan bahawa jika rawatan tersebut dilakukan dengan penuh keikhlasan dan pengharapan yang penuh terhadap kekuasaan Allah S.W.T dalam menyembuhkan penyakit maka dengan izin Allah penyakit tersebut akan sembuh.

### **Limitasi Perubatan Tradisional Dalam Seni Silat Pusaka Gayong**

Melalui pendapat dan pengalaman informan tersebut hanya segelintir sahaja daripada pelatih yang tidak dapat meneruskan rawatan melalui kaedah perubatan tradisional. Jika ditanya perihal mengapakah tidak dapat dirawat melalui perubatan tradisional? Jawapan yang diterima dari informan memberitahu bahawa kesemua pesakit perlu merujuk kepada hospital dan klinik terlebih dahulu. Hal ini demikian bagi mengetahui dengan lebih jelas punca berlakunya penyakit dan memberikan rawatan yang sewajarnya. Di samping itu, jika pihak hospital tidak mampu untuk memberi rawatan barulah pesakit bebas untuk memilih kaedah perubatan tradisional.

Kesemua informan yang telah ditemubual menyatakan bahawa mereka hanya berikhtiar dengan menggunakan kepakaran yang ada untuk menyembuhkan setiap penyakit yang dihadapi oleh pesakit. Menurut pengamal perubatan lagi, dalam kes mengubati penyakit fizikal, mereka hanya boleh merawat penyakit seperti luka-luka kecil dan kecederaan yang kecil sahaja. Jika kecederaan tersebut dikhuatiri sukar untuk sembuh, para pengamal perubatan akan merujuk pesakit tersebut ke hospital untuk menerima rawatan yang lebih dijamin selamat

Manakala bagi urusan penyembuhan penyakit spiritual untuk masyarakat yang beragama Islam pula kebanyakan pesakit akan sembuh dengan izin Allah namun pesakit tetap memerlukan kesabaran yang tinggi untuk kembali sembuh. Tambahan pula, pesakit juga haruslah melengkapkan diri dengan ilmu agama yang cukup kuat untuk dijadikan pembenteng daripada ditipu makhluk halus. Pengamal juga memberitahu bahawa setiap penyakit yang dihadapi merupakan tanda ujian dari Allah Yang Maha Kuasa dan pesakit haruslah percaya dengan Qada' dan Qadar yang telah ditetapkan olehNya.

### **Kesimpulan.**

Sebagai kesimpulannya, mengikut penggunaan teori sosial oleh Max Weber terhadap analisis kepimpinan yang dimainkan oleh gurulatih seni silat sememangnya amat bertepatan. Hal ini demikian kerana, gurulatih bukan sekadar bertindak sebagai tenaga pengajar ilmu seni silat semata-mata malah turut menggalas tanggungjawab yang lebih besar. Mengikut teori autoriti tradisional jelas dilihat bahawa seseorang gurulatih telah dipilih mengikut ketinggian pangkat dan kemahiran yang dimiliki serta dikurniakan gelaran gurulatih oleh Lembaga Perstubuhan Seni Silat Pusaka Gayong. Manakala mengikut teori autoriti karismatik pula, gurulatih dilihat sebagai seorang yang mempunyai karisma, berani mengambil risiko dan mempunyai kepakaran dalam mengubati penyakit serta memberi jaminan bahawa setiap penyakit yang diubati akan sembuh.

### **Rujukan**

Amru Jumuah (2011). Keajaiban 350 Ayat: Untuk Mengatasi Kesulitan Hidup, Menambah Rezeki, Melindungi Diri Dari Jin dan Kerasukan, Manjaga Diri, Gangguan Sihir, Kedengkian, Fitnah Dajjal dan Azab Kubur, Serta Fadilah Beberapa Surah dan Ayat Al-Quran.

- Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid & Nurul Wahidah Fauzi, (2012). Perubatan Melayu Tradisional: Kitab Tibb Pontianak. *Jurnal Al Tamaddun Bil.* 7(1),(142-162).
- Farrer, S. D (2006). *Seni Silat Haqq: A Study in Malay Mysticism.* (B.A. (Hons.), M.A.) Department of Sociology, National University of Singapore.
- Hafidzul Azam (2010). *Apa disebalik bengkung.* Jurulatih Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia (PSSGM).
- H.C Ong (1994). "Malay Herbal Medicine in Gemencheh, Negeri Sembilan, Malaysia", *Fitoterapia*, vol 1, issue 1, Feb 1994, (10-14)
- Ibrahim Jantan (2006). "The Scientific Values of Malaysian Herbal Products", *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, Vol 4, Jilid 1, (59-70).
- Khairul Ghazali (2014). *Fadhilat dan Keutamaan Ayat Kursi.* Pustaka Azhar, Johor Bharu.
- Marican, S, (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial.* Prentice Hall / Pearson Malaysia.
- Muhammad Takari Jilin Syahrial (2015). *Adat dalam Peradaban Melayu.* Laporan Penelitian. Program Studi Etnomusikologi FIB USU dan Majlis Adat Budaya Melayu Indonesia.
- Muhadi dan Muadzlin (2012). *Semua Penyakit Ada Obatnya.* Mutiara Media
- Nor Izzati Abdul Ghani dan Ramle Abdullah (2015). *Elemen Magis Dalam Peralatan dan Bahan bagi Persembahan Main Puteri.* International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21<sup>st</sup> Century. Universiti Sultan Zainal Abidin. (ms. 487-498)
- Noresah Baharom (2010). *Kamus dewan edisi keempat.* Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Nur Aqidah A. Aziz, Mardiana Idayu Ahmad, Darlina Md Naim dan Haron Daud (2013). *Main Pateri Dan Persekitaran Fizikal: Kajian Kes di Kampung Jedok, Ayer Lanas, Kelantan.* *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* Jilid 6 Bil. 2.(ms.170-189)
- Othman bin Mustapha, Ketua Pengarah, Jakim. (1997). *Garis Panduan Silat Menurut Islam.* Cetakan Pertama 1997, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Bahagian Penyelidikan Islam 796.8.
- Othman Mustapha (2008). *Garis panduan silat menurut Islam.* Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Cetakan Ketiga.
- Sutarto Wijono (2018). *Kepimpinan Dalam Perspektif Organisasi.* Prenadamedia Group, Jakarta.
- Tenas Effendi (2013). *Sifat-sifat Utama Pemimpin Melayu.* Pekanbaru: Lembaga Adat Melayu Riau.
- Yudi Santono (2019). *Sosiologi Agama Max Weber.* Diterjemahkan dari *The Sociology of Religion.* Beacon Press, Boston, 1962 karya Max Weber. Yogyakarta.
- Yusuf, R, (2003). *Penyelidikan Sains Sosial (Science Social Research).* Pahang, Malaysia: PTS Publication & Distributors (Malays Version).